

Perkasa Mahu Anwar Kemuka Kabinet Bayangan Bulan Ini
Bernama
19 Mei, 2012

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) mencabar Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim mengemukakan kabinet bayangan pakatan pembangkang dalam bulan ini juga memandangkan pilihan raya umum bakal diadakan dalam masa terdekat.

Ketua Penerangan Perkasa Ruslan Kasim berkata rakyat perlu tahu kabinet bayangan itu untuk membuat perbandingan dan penilaian mengenai siapa yang akan diberikan mandat dan kepercayaan untuk membentuk kerajaan.

"Jika Anwar enggan mengisytiharkan barisan kabinet bayangan atau cuba melenggh-lengahkan pengumuman tersebut, maka nyata ini adalah satu muslihat beliau, sebab seperti yang umum sudah maklum bahawa beliau selalunya akan berjanji kepada beberapa orang calon untuk menjawat sesuatu jawatan yang sama.

"Jadi beliau tak mahu membuat pengumuman tersebut takut terbongkar dan pecahlah tembelangnya," dakwanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata rakyat juga mahu tahu apakah jawatan kabinet yang akan diberikan kepada Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Presiden PKR Azmin Ali dan isterinya Shamsidar Tahrin serta Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667250>